

29/07/1999

LID tahun depan bincang isu hadapi alaf baru

LANGKAWI, Rabu - Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) akan diteruskan tahun depan bagi membincangkan isu sejagat dalam menghadapi alaf baru.

Dialog yang dinamakan Global 2000 itu akan memperluaskan skop amalan perkongsian bestari dalam hubungannya dengan isu lebih meluas.

Pengerusi Bersama Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), Datuk Dr Mihaela Smith, berkata satu mesyuarat khas akan diadakan sebelum itu bagi mencari kata sepakat mengenai isu yang akan dimasukkan dalam perhimpunan yang disebutnya sebagai 'ibu segala dialog'.

Sejak 1995, LID bertemakan perkongsian bestari diadakan setiap tahun, kecuali pada 1998 kerana kebanyakan negara menghadapi tekanan berikutan krisis ekonomi dan kewangan.

Idea LID dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan memberi fokus kerjasama antara kerajaan, swasta dan pergerakan kesatuan sekerja.

"Bagaimanapun tarikh dan isu yang akan dibincangkan dalam Global 2000 masih belum diputuskan.

"Bagi tujuan itu kami akan mengadakan mesyuarat khas bagi mencari kata sepakat mengenai isu yang bakal diusulkan. Beberapa ketua kerajaan dan sektor swasta akan terbabit dalam mesyuarat berkenaan," katanya.

Selain Global 2000, dua lagi dialog antarabangsa berkonsepkan perkongsian bestari iaitu Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 1999 (Said 1999) di Zimbabwe Oktober ini dan Dialog Antarabangsa Petra 1999 (PID 99) dijangka berlangsung tahun depan.

Mengenai LID kali ini, Dr Mihaela berkata, ia berjaya mencapai matlamat amalan perkongsian bestari demi kepentingan pelbagai hala.

(END)